

240

SOALAN NO.: 292

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[BATU PAHAT]**

**SOALAN :**

**YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan langkah-langkah membantu golongan buruh 'pengambil upah' memetik sawit dan membersihkan kebun yang pada umumnya tidak memiliki kebun/tanah, di kalangan penduduk dalam kawasan di luar bandar khususnya dalam kawasan Parlimen Batu Pahat.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi tidak mempunyai program bantuan yang khusus bagi golongan buruh atau “pengambil upah” yang menuai buah kelapa sawit dan membersihkan kebun. Walau bagaimanapun, Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) menawarkan pelbagai program kursus jangka panjang dan jangka pendek seperti Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) dan Kursus Kemahiran Menggred Buah Sawit yang melatih peserta menjadi pekerja mahir/separa mahir dalam industri sawit. Peserta yang mengikuti latihan berpeluang mendapat pendedahan aspek pengendalian dan penyelenggaraan jentera dan membuka peluang bagi membina kerjaya di sektor perladangan sawit. Lulusan peserta kursus ini boleh bekerja sebagai operator jentera ladang terlatih, mandur dan juga sebagai penyelia ladang. Kursus-kursus ini juga telah diiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Senarai kursus yang ditawarkan dipaparkan di laman sesawang [www.impac.edu.my](http://www.impac.edu.my).

Sekian, terima kasih.